



**GARIS PANDUAN BAGI KESEDIAAN OPERASI  
TAHAP 4**

**FASILITI SUKAN LUAR (*OUTDOOR*)**

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

**17 OGOS 2020**

## GARIS PANDUAN BAGI KESEDIAAN TAHAP 4 : FASILITI SUKAN LUAR (*Outdoor*)

Merujuk kepada Kenyataan Media Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bertarikh 13 Ogos 2020 mengenai **Perlaksanaan Pelan De-escalation bagi Sukan Berpasukan**. Bermula pada hari **Isnin, 26 Zulhijjah 1441 bersamaan 17 Ogos 2020**, di bawah **de-escalation bagi Sukan Berpasukan**, syarat-syarat dan garispanduan Sukan Berpasukan yang menggunakan **Fasiliti Sukan Luar (*outdoor*)** dikemaskinikan seperti berikut:

1. Bagi Sukan Berpasukan dibenarkan seperti berikut :
  - (i) dalam **kumpulan tidak melebihi 15 orang** bagi tujuan latihan sahaja
  - (ii) masa **terhad 2 jam** setiap individu dalam satu hari
  - (iii) **pertukaran pemain atau pencampuran pemain** dengan kumpulan lain adalah dibenarkan
  - (iv) **Kontak secara fizikal atau perkongsian kelengkapan** dalam kumpulan masing-masing adalah dibenarkan secara minima.
2. **Kafeteria, restoran atau kantin** dibenarkan untuk beroperasi seperti biasa iaitu pada kadar **kapasiti 100%**. Penyediaan makanan secara **buffet adalah dibenarkan dengan syarat makanan buffet dihidangkan (*serve*) oleh pekerja premis makanan;**
3. Taman Permainan luar kanak-kanak adalah dibenarkan.
4. **Penganjuran sukan dan Pertandingan Sukan adalah tidak dibenarkan**
5. **Syarat dan garis panduan lain** bagi bagi fasiliti sukan luar (*outdoor*) adalah seperti perincian di Lampiran A.

**Penggunaan Fasilitas Sukan Luar hendaklah mematuhi peraturan kerajaan bagi persediaan operasi tahap 4. Langkah-langkah berikut hendaklah dilaksanakan.**

## **1. Fasilitas Sukan Luar**

### **a. Garis Panduan Umum**

1. Fasilitas Sukan Luar dibenarkan beroperasi seperti waktu operasi biasa.
2. **Kafeteria, restoran atau kantin** dibenarkan untuk beroperasi seperti biasa iaitu pada kadar **kapasiti 100%**. Penyediaan makanan secara **buffet adalah dibenarkan dengan syarat makanan buffet dihidangkan (serve) oleh pekerja premis makanan;**
3. Pendaftaran dan rekod yang sewajarnya mestilah dibuat di pintu masuk bagi tujuan pengesanan kontak jika diperlukan. (Setiap Fasilitas Sukan Luar perlu mendaftar melalui aplikasi *Bruhealth* di laman sesawang [www.healthinfo.gov.bn/register](http://www.healthinfo.gov.bn/register) untuk penjaan QR kod bagi pendaftaran penggunaan)
4. Mengehendkan masa kepada satu (2) jam sehari bagi setiap orang.
5. **Terbuka bagi sukan individu dan sukan berpasukan**
6. Bagi Sukan Berpasukan dibenarkan seperti berikut :
  - (i) dalam **kumpulan tidak melebihi 15 orang** bagi tujuan latihan sahaja
  - (ii) masa **terhad 2 jam** setiap individu dalam satu hari
  - (iii) **pertukaran pemain atau pencampuran pemain** dengan kumpulan lain adalah dibenarkan
  - (iv) **Kontak secara fizikal atau perkongsian kelengkapan** dalam kumpulan masing-masing adalah dibenarkan secara minima.
7. Aktiviti yang memerlukan kontak atau berkongsi peralatan adalah dibenarkan secara terkawal dan minima.
8. **Penganjuran sukan dan Pertandingan Sukan adalah tidak dibenarkan.**
9. Membersihkan dan mensanitasi peralatan Fasilitas Sukan Luar sebelum dan selepas digunakan.
10. Pengguna hendaklah membawa tuala dan botol air mereka sendiri.

11. Pemeriksaan suhu badan hendaklah dilakukan dan sanitasi tangan disediakan di pintu masuk dan tempat-tempat yang bersesuaian.
12. Individu yang mengalami simptom dan berisiko tinggi tidak dibenarkan bermain.
13. Menjaga kebersihan diri sepanjang masa.
14. Penjarakkan sosial sekurang-kurangnya 1 meter hendaklah sentiasa dilakukan sepanjang masa.
15. Kemudahan *locker room* Fasilitas Sukan Luar dibenarkan.
16. Papan tanda dan poster langkah-langkah pencegahan COVID-19 hendaklah dipaparkan.
17. Untuk maklumat lanjut mengenai COVID-19, orang ramai bolehlah menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148.

b. Tempahan

1. Fasilitas Sukan Luar hendaklah menyelenggara sistem tempahan dan jadual masa bagi memastikan keselamatan kakitangan dan pengguna.
2. Jumlah maksimum pengguna hendaklah ditentukan oleh pihak Fasilitas Sukan Luar dan mestilah mengikut jumlah kapasiti sesuai dengan kapasiti ruang berkenaan dalam satu masa.

c. Peraturan Fasilitas Sukan Luar

1. **Kafeteria, restoran atau kantin** dibenarkan untuk beroperasi seperti biasa iaitu pada kadar **kapasiti 100%**. Penyediaan makanan secara **buffet adalah dibenarkan dengan syarat makanan buffet dihidangkan (serve) oleh pekerja premis makanan;**
2. Tidak dibenarkan berkumpul sebelum atau selepas senaman di dalam atau di sekitar Fasilitas Sukan Luar.
3. Penggunaan tandas dibenarkan dan perlu disanitasikan setiap masa.

4. Pihak Fasilitas Sukan Luar hendaklah menyediakan prosedur bagi memastikan keperluan penjarakkan sosial dipatuhi di kawasan latihan atau senaman.
5. Pihak Fasilitas Sukan Luar hendaklah menyediakan prosedur bagi memastikan Fasilitas Sukan Luar selamat untuk digunakan dan amalan pensanitasiian dilaksanakan.
6. Semua petugas Fasilitas Sukan Luar hendaklah memakai *face mask* dan sarung tangan.
7. Semua peralatan Fasilitas Sukan Luar hendaklah di *disinfect* sebelum, selepas dan di antara tempahan berikutnya.
8. Pengguna digalakkan untuk membawa *disfectant* sendiri sebagai perlindungan.

## **2. TANGGUNGJAWAB PENGGUNA**

### **a. Pendaftaran**

1. Pengguna hendaklah mendaftar secara *advanced (pre-booking)*
2. Pendaftar hendaklah mengimbas QR kod Fasilitas Sukan Luar sebaik sahaja ketika tiba dan selesai bermain bagi tujuan untuk mengesan kontak jika diperlukan

### **b. Latihan dan Senaman**

1. Pelanggan hendaklah memastikan mereka menjaga jarak sekurang-kurangnya 1 meter semasa aktiviti sukan.
2. Memakai sarung tangan bagi meminimumkan sentuhan dengan permukaan.
3. Menggunakan peralatan yang betul dan memakai pakaian bersenam yang panjang untuk melindungi kulit.
4. Menggunakan peralatan persendirian.
5. Membawa disinfektan sendiri sebagai perlindungan.
6. Jika menggunakan mat senaman, bentangkan tuala di atas mat awda.
7. Jangan menyentuh muka, mata, dan mulut tanpa membersihkan tangan.

8. Penjarakkan sosial adalah penting dan pelanggan hendaklah meninggalkan fasiliti sukan luar dengan segera supaya tidak berlakunya perkumpulan di kawasan tersebut.